

PASUKAN SILAT KEMBANGAN

Pesaka belum buat pemilihan

28 OCT 1987

G. Marian (M)

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) belum memutuskan cara pemilihan satu pasukan silat kembangan bagi merebut Piala Hang Tuah dalam Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

Keputusan itu akan dibuat dalam mesyuarat jawatankuasa teknik Pesaka esok. Bagaimanapun, difaham kemungkinan ia dibuat pada 7-11 November ini bersama pemilihan pesilat wanita dan kelas bebas lelaki.

"Saya sukar menentukan bagaimana pasukan akan dipilih mewakili negara dan biarlah jawatankuasa itu yang menentukan nanti cara pemilihannya," kata Naib presidennya, Anuar Abdul Wahab.

Dalam kejohanan yang sama di Vienna, Austria tahun 1985, Malaysia yang diwakili oleh pasukan Gayong Pathani memenangi pingat perak. Pingat emas di menangi oleh Indonesia.

Katanya, jika jawatankuasa itu memutuskan mengadakan pertandingan untuk memilih satu pasukan terbaik silat kembangan, Pesaka berharap semua persatuan silat di negara ini menghantar wakil masing-masing.

"Kami akan menyediakan pasukan yang baik kali ini supaya piala pusingan yang pertama kali diperkenalkan oleh Pesaka itu dimenangi oleh pasukan negara," jelasnya.

Anuar berkata, pertandingan silat kembangan itu lebih menitik beratkan tentang keindahan seni, gaya persembahan, adat istiadat perguruan dan lain-lain lagi.

"Pertandingan silat ini berbeza dengan silat olahraga kerana ia bertujuan mengekalkan ciri-ciri kesenian supaya tidak luntur dalam pengetahuan masyarakat," katanya.

Menurutnya, Pesaka juga sudah memberitahu kepada persatuan silat negeri-negeri supaya menghantar pesilat wanita dan kelas bebas lelaki dalam pemilihan tidak lama lagi.

Beliau menjelaskan, pemilihan pesilat kelas bebas terpaksa dilakukan untuk memilih antara yang terbaik.

"Kelas bebas ini adalah kelas bekas juara-juara silat dan tentu menarik minat lebih ramai pesilat," ujarnya.

Bagaimanapun, pesilat yang ingin mengikuti pemilihan kelas bebas ini disyaratkan berat badannya lebih 65kg, berusia antara 17 hingga 35 tahun dan sihat tubuh badan.

Jak Othman mengetuai pesilat Great Britain